

# Keputusan PRK UPM kekal memihak calon Proaspirasi

**Serdang:** Keputusan Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Putra Malaysia (UPM) kekal memihak kepada calon Proaspirasi (Pro-A) yang memenangi 40 daripada 47 kerusi dipertandingkan.

Ini berikutan tiada bantahan atau rayuan diterima selepas sesi bantahan bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2012/2013 UPM berakhir, kelmarin.

Pada PRK 25 September lalu, Pro-A memenangi enam kerusi umum dan 34 kerusi fakulti, manakala lima lagi kerusi umum dan dua kerusi fakulti dimenangi calon bebas.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata tiada bantahan atau rayuan membuktikan semua pelajar berpuas hati dengan proses PRK.

“Alhamdulillah, PRK UPM tahun ini berlangsung aman, malah tiada permohonan bantahan atau rayuan diterima walaupun tempoh bantahan tahun ini dilanjutkan sehingga empat hari berbanding tiga jam saja sebelum ini.

“Ketelusan pengurusan universiti dan kerjasama pelajar yang mematuhi syarat termasuk tidak membawa pengaruh luar ketika pilihan raya antara faktor tiada insiden buruk,” katanya.

Calon yang berjaya dalam PRK itu diisytiharkan melalui Papan Notis Rasmi Universiti di Kolej 13 dan Kolej Sri Rajang serta lokasi strategik lain sekitar kampus mulai tengah hari, semalam